



**KENYATAAN AKHBAR
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

SITUASI DENGGI DI MALAYSIA DAN SELANGOR

**SEMPENA MAJLIS KUNJUNGAN HORMAT YB MENTERI KESIHATAN
KEATAS YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR
PADA 9 DISEMBER 2014**

Pada tahun 2014, terdapat tren peningkatan kes dan wabak denggi yang ketara di seluruh negara. Bagi tempoh Januari hingga 6 Disember 2014, sebanyak 98,128 kes dilaporkan berbanding dengan 37,698 kes pada tempoh yang sama tahun 2013, iaitu peningkatan sebanyak 160%. Sebanyak 48,691 atau 50% daripada kes denggi ini adalah dari negeri Selangor. Manakala sebanyak 189 kematian telah dilaporkan di seluruh negara pada tahun ini dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 70 (37%) kematian berlaku di negeri Selangor. Disamping itu, negeri Selangor juga menyumbang sebanyak 508 lokaliti wabak (71%) daripada 716 lokaliti wabak keseluruhan dan 118 lokaliti hotspot atau 97% daripada 122 lokaliti hotspot di negara ini.

Antara faktor-faktor yang dikenalpasti menyebabkan peningkatan kes denggi di negeri Selangor adalah berkaitan dengan kebersihan persekitaran yang tidak dijaga yang menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes seperti kawasan tanah lapang, tapak binaan, projek terbengkalai, pangsapuri yang tidak diselenggara dan sebagainya. Di samping itu, ianya juga disebabkan oleh sikap masyarakat yang tidak membersihkan kawasan persekitaran mereka dan tidak melakukan 'aktiviti cari dan musnah' tempat pembiakan Aedes setiap minggu.

Apabila berlaku peningkatan kes denggi yang tinggi pada bulan Julai tahun ini dimana lebih daripada 3,000 kes seminggu dilaporkan,

Kementerian Kesihatan telah melaksanakan “Operasi Mega” bermula 14 Julai hingga 14 September 2014 bagi kawasan Lembah Klang terutama untuk negeri Selangor. Dalam operasi ini tindakan bersepadu mencegah denggi dari 7 Kementerian dilaksanakan di peringkat Kebangsaan. Usaha ini telah berhasil mengurangkan 50% kes di negeri Selangor dalam tempoh 2 bulan.

Sehubungan itu, bagi memastikan masalah denggi di negeri Selangor dapat diatasi sepenuhnya, satu Halatuju Baru Program Kawalan Denggi perlu memfokuskan kepada beberapa perkara seperti berikut iaitu:-

1. Memastikan aspek kebersihan persekitaran diatasi termasuk pengurusan kawasan tanah lapang.
2. Mempromosikan penglibatan aktif pihak komuniti dalam aktiviti anti denggi misalnya dalam Program COMBI dan Local Agenda 21.
3. Memastikan penglibatan aktif dan kerjasama semua jabatan dan agensi dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi.
4. Melaksanakan aktiviti penguatkuasaan yang konsisten.
5. Menerapkan “sustainability model” dan budaya penyelenggaraan bagi memastikan persekitaran bebas Aedes.

Kementerian Kesihatan amat berharap melalui pelaksanaan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi secara bersepadu di negeri Selangor ini, maka masalah demam denggi dapat dikawal dengan baik dan seterusnya dapat mengurangkan morbiditi dan mortaliti akibat denggi. Amalkan ‘Kebersihan Setiap Hari, Setiap Masa dan Di Mana Jua’.

YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

9 Disember 2014